

Apa itu Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut

Mei 13, 2022 @ 3:03pm



**Kenali Apa Itu
彭尼加特 KAKI, TANGAN DAN MULUT
(HFMD)**



- HFMD adalah penyakit disebabkan oleh Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan oleh virus Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).
- Cara merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (blister) dan najis pesakit.
- Kebiasaan jangkitan adalah ringan (mild) dengan gejala demam diikuti ruam melepuh (blister) pada tangan, kaki, mulut dan lidah.
- Jangkitan EV71 boleh menyebabkan komplikasi teruk seperti : encephalitis, pulmonary edema dan myocarditis



SUMBER: Kenyataan Media KPK, 6 Mei 2022

KUALA LUMPUR: Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) sedang dalam trend meningkat ketika ini. Setakat Minggu Epidemiologi (ME) 17/2022, sebanyak 22,463 HFMD telah dilaporkan di Malaysia, peningkatan 12.8 kali ganda berbanding pada ME yang sama tahun 2021.

1. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (Hand Foot Mouth Disease, HFMD) lazimnya berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang daripada 10 tahun. Ia disebabkan oleh virus daripada kumpulan enterovirus yang tergolong di dalam keluarga picornavirus. Sebanyak 67 serotypes manusia yang terdiri daripada 3 serotypes poliovirus, 23 serotypes Coxsackie A, 6 serotypes Coxsackie B, 31 serotypes Echovirus dan enterovirus 68 hingga 71. Daripada kumpulan enterovirus tersebut, majoriti jangkitan adalah disebabkan oleh Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV 71).

2. Kebiasaannya gejala HFMD adalah ringan (mild) dengan simptom demam diikuti ruam melepuh (blister) pada tangan, kaki, mulut dan lidah. Kanak-kanak juga boleh mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, muntah, cirit birit dan kurang selera makan. Kes HFMD yang disebabkan oleh jangkitan virus EV71 boleh meningkatkan risiko untuk mendapat komplikasi seperti encephalitis dan myocarditis.

3. Virus penyebab HFMD boleh terdapat di dalam kerongkong dan najis dan merebak melalui sentuhan terus dengan air liur dan najis mereka yang berpenyakit. Penyakit ini cepat menular di kalangan kanak-kanak. Ia menjangkiti semua golongan umur tetapi majoriti kanak-kanak berumur bawah 6 tahun adalah lebih berisiko. Tempoh inkubasi adalah antara 3-5 hari dan masa yang paling berisiko untuk menjangkiti orang lain adalah ketika sebelum dan selepas gejala timbul. Kanak-kanak yang dijangkiti penyakit HFMD boleh menjadi punca jangkitan sehinggalah ruamnya kering. Majoriti kes mengalami gejala ringan dan sembuh dalam masa 5-7 hari.